

Dr M: Wartawan perlu ketepikan kepentingan sendiri

KUALA LUMPUR, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa para wartawan jangan menggunakan mata pena mereka untuk kepentingan mereka sendiri tanpa memikirkan keburukan yang akan timbul daripada perbuatan mereka.

Katanya, jurnalisme adalah satu senjata yang amat tajam yang boleh digunakan untuk kebaikan ataupun keburukan menurut kehendak seseorang wartawan itu sendiri.

Berucap di majlis jamuan malam untuk meralkan para peserta Seminar Jurnalisme Malaysia di sini malam tadi, beliau menambah, ini ialah kerana seseorang wartawan itu boleh memberi gambaran yang benar mengenai sesuatu keadaan atau pun sebaliknya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, tema seminar dua hari itu — "Kenegeraan menerusi jurnalisme" yang berakhir semalam kena pada masanya kerana jurnalisme bukan sahaja menjadi alat memberi pengajaran

dan pengetahuan kepada sesabuah negara itu malah ke seluruh dunia.

Menurutnya, sebuah akhbar tempatan cuba menarik perhatian para pembaca dengan menggunakan tajuk-tajuk berita yang amat berbeza daripada isi berita itu.

Sepalutnya mereka itu tidak boleh berbuat demikian kerana seseorang wartawan itu mestilah berpegang kepada kebenaran dan cuba meninggikan lagi mutu jurnalisme dengan memberikan laporan yang selengkap-lengkapnya mengenai sesuatu perkara itu.

Tetapi oleh kerana wartawan itu seorang manusia biasa maka mereka itu kadang kala terpaksa menghadapi tekanan-tekanan yang mungkin datang dari diri mereka sendiri ataupun dari pihak-pihak tertentu, tambah beliau.

Turut hadir di majlis makan malam itu ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan kira-kira 200 orang para wartawan dan penulis-penulis tempatan. — Bernama